BMF-SURUHANJAYA '''
(I)

1984

KUALA LUMPUR, 11 JAN. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PENUBUHAN SEBUAH SURUHANJAYA PENYIASAT DIRAJA TIDAK AKAN MEMBERI FAEDAH DALAM MENYIASAT HAL-HAL YANG BERLAKU DALAM BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF).

DATUK SERI DR. MAHATHIR DALAM SATU PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI BERKATA KUASA DAN KEKESANAN SURUHANJAYA SEUMPAMA ITU TERHAD OLEH PERUNTUKAN AKTA SURUHANJAYA PENYIASAT 1950 YANG MERANGKUMI PENUBUHAN SURUHANJAYA TERSEBUT.

BELIAU YANG MENGUMUMKAN KERAJAAN TELAH MENGARAH BANK BUMIPUTRA MELANTIK JAWATANKUASA TIGA ORANG BAGI MENYIASAT DAN MELAPORKAN HAL-HAL DAN OPERASI BMF BERKATA BMF IALAH SEBUAH SYARIKAT YANG DIDAFTARKAN DI HONG KONG DAN TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG HONG KONG.

AKTA SURUHANJAYA PENYIASAT 1950 TIDAK MEMPUNYAI KUASA DI HONG KONG. SELAIN DARI ITU SOAL RAHSIA BANK JUGA PERLU DIKEKALKAN BAGI MELINDUNGI KEPERCAYAAN PARA PELANGGAN. -- LAGI 1755/ZI
BMF-SURUHANJAYA 2 KUALA LUMPUR 'R'R'R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH LEBIH BAIK BANK BUMIPUTRA SENDIRI MENJALANKAN PENYIASATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADALAH BENAR SEBUAH SURUHANJAYA YANG DILANTIK DI BAWAH AKTA TERSEBUT MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENDAPAT DAN MENGUMPULKAN MAKLUMAT SECARA BERSUMPAH ATAU PENGESAHAN, DAN UNTUK MEMANGGIL DAN MENYURUH SAKSI-SAKSI HADIR DAN MENGHUKUM MEREKA JIKA ENGKAR.

BAGAIMANAPUN KUASA-KUASA YANG DIBERIKAN KEPADA SURUHANJAYA PENYIASAT ITU TIDAK MEMPUNYAI KESAN DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN DI HONG KONG, TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

DATUK SER DR MAHATHIR JUGA BERKATA DALAM MANA-MANA SIASATAN TERBUKA ADALAH PENTING UNTUK MENGEKALKAN INTEGRITI PROSES PERBICARAAN DENGAN MELINDUNGI RAHSIA LAPORAN-LAPORAN DAN LAIN-LAIN MAKLUMAT, TERUTAMA SEKALI YANG ADA KAITAN DENGAN PELANGGAN BANK.

BELIAU BERKATA RAHSIA MERUPAKAN PRINSIP PENTING DALAM SISTEM BANK DAN MEREKA DIKEHENDAKI OLEH UNDANG-UNDANG ATAU KONVENSYEN UNTUK MENGEKALNYA.
-- LAGI 1830/AZ